

NO. SOALAN : 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN
HAJI MOHAMAD
[LIPIS]**

TARIKH : 22 Oktober 2015 (Khamis)

SOALAN :

Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Lipis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan mewujudkan semula Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sebagai usaha mencegah kegiatan jenayah berat di negara ini kerana akta tersebut dianggap undang-undang paling relevan bagi menangani jenayah berat di negara ini.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan semula Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1961.
2. Ini kerana Undang-Undang sedia ada yang digubal pada ketika ini adalah mencukupi dalam mencegah kegiatan jenayah berat di negara ini.

Sekian, terima kasih.